

Kunjungi...



Jesselton Point

Dengan jarak yang amat dekat dengan pusat bandaraya Kota Kinabalu, disanalah terletaklah Jesselton Point yang cantik dan bersejarah yang sebelum ini dikenali sebagai Terminal Feri Kota Kinabalu. Kawasan dermaga itu menampilkan wajah baru dengan penerapan nostalgia zaman penjajah. Ia bermula sebagai kawasan kapal berlabuh dan persinggahan peniaga selama bertahun-tahun. Ia juga menjadi terminal untuk perkhidmatan laluan kereta api. Laluanannya masih boleh dilihat apabila anda bersiar-siar di sepanjang jalan konkritnya.

Hari ini, Jesselton Point sedang menuju menjadi bandar depan laut bertaraf dunia, dengan menonjolkan pelbagai kemudahan untuk keperluan perniagaan, tempat tinggal, hiburan, jualan dan perhimpunan. Projek 15 tahun ini dijangka siap dalam tiga peringkat, yang meliputi kawasan seluas 23 ekar: Satu kawasan nakal menjadi pusat hiburan, makanan dan kedai jualan. Ketika ini, ia juga bertindak sebagai terminal utama buat feri dan bot penumpang yang ingin belayar ke Wilayah Persekutuan Labuan atau menikmati kehidupan sehari di pulau di Taman Laut Tunku Abdul Rahman.

Newly Open...

BEIJING

Open-air Buffet BBQ Steamboat

RM 25++
K. 201018* 081018.3

Children:
+ Below 3 ft height = FOC.
+ Below 4 ft height = Half price

6.30pm to 11.00pm (Nightly)

088-231003/5

Floating Seafood Market Restaurant

Daily Business Hour :

Lunch
11.30am - 2.00pm

Dinner
6.30pm - 11.00pm

For Reservation :

Tel : 088-231003, 231005

Kampung Nelayan

Festival Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) Bawah-13, 4-10 Jun

Sertai keseronokan ini kerana Sabah menjadu tuan rumah dalam Festival Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) Bawah-13 Jun ini. Diadakan di Kompleks Sukan Ilias dan Padang Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu, acara ini akan menyaksikan penyertaan pasukan dari sekitar Asia termasuklah Brunei, Kemboja, Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand, Vietnam, Laos, Timor Leste, Myanmar, Australia dan Malaysia. Objektif festival ini adalah untuk mewujudkan pendekatan positif dalam sukan ini, mengembangkan sikap kesukanan, rangkaian kerja dan membekalkan suasana seronok untuk semua peserta dalam sukan bola sepak. Malaysia merupakan salah sebuah dari empat tempat di rantau ini yang akan menjadi tuan rumah untuk kejohanan berprestij ini. Bawalah keluarga anda dan rakan-rakan yang meminati bola sepak agar turut serta menyokong pasukan yang anda minati. Anda mungkin menemui bakal menjadi Beckham atau Ronaldo!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kementerian Belia dan Sukan Sabah di talian 088-287555/287556.

Mari Makan!



1 Delight

Melangkahlah ke 1 Delight: Tempat hebat yang menghadirkan makanan Malaysia yang menjadi kegemaran orang Sabah. Restoran yang menyelesaikan ini membuka pintunya pada Februari tahun ini dan segera menjadi pilihan dalam kalangan orang ramai. Terletak di rumah kedai Taman Landbreeze di Kepayan Ridge, 1 Delight menghadirkan sarapan, makan tengah hari dan makan malam. Menyanya menyenaraikan makanan kegemaran termasuklah Nasi Ayam Hainan, Mi Udang Tom Yam, mi goreng, nasi lemak dan nasi ayam ala Yong Chow. Sebagai pelengkap hidangan ini ialah pelbagai jenis sayuran yang digoreng dengan pilihan bawang putih, sos tiram atau sambal. Anda juga boleh memesan pilihan ayam, daging lembu atau udang dimasak ala cara kegemaran anda, sama ada masam manis atau sos keju yang enak. Hidangan boleh juga dipesan secara a la carte atau hidangan besar untuk sekumpulan dua atau lebih. Bagaimanapun 'bintang' sebenar 1 Delight ialah asam pedas ekor lembu atau asam pedas kepala ikan - hidangan menyelerakan, terkenal dengan kuahnya yang sedikit pedas. 1 Delight juga unik kerana mereka menghadirkan pelbagai hidangan Sabah, termasuklah hinava (ikan yang dijeruk bersama-sama limau nipis, halia dan bawang), tuhau dan jeruk obor-obor. Restoran ini juga memiliki sebuah bilik majlis di tingkat satu yang boleh mengumpulkan 100 tetamu dalam satu masa. Untuk harga yang berpatutan, ruang letak kenderaan mencukupi dan pengalaman makan malam ala Sabah, makanlah di 1 Delight!

Khidmat katering juga ada. Restoran ini tidak menghadirkan makanan haram. 1 Delight terletak di Lot 69, Taman Land Breeze Shophouse, Lorong Bunga Kertas, Kota Kinabalu. Waktu perniagaan adalah dari pukul 7:00 pagi hingga 11:00 malam (ditutup pada hari Isnin).

Untuk maklumat lanjut atau tempahan awal, sila hubungi 088-216699/215699.